

Prinsip maqasid syariah dalam pelaksanaan ibadah ketika wabak: kajian di masjid-masjid negeri Selangor

The principles of maqasid syariah in the performance of worship during an epidemic: a study in the mosques of Selangor

Hasliza Talib^{1*}, Maad Ahmad², Nurul Syafini Abd. Rahman³, Muhammad Yosef Niteh⁴, Asma Abdul Halim⁵

¹Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, hasliza@kuis.edu.my, 012-4952343

²Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, maad@kuis.edu.my, 017-3927991

³Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, nurulsyafini@kuis.edu.my, 017-8896997

⁴Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor, 43000, Selangor, myosef@kuis.edu.my, 012-3610653

⁵Pelajar Ijazah Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia asmaabdulhalim20@gmail.com, 01131060161

ABSTRAK

Dunia dikejutkan dengan satu pandemik virus merbahaya dikenali sebagai COVID-19 yang dikesan pertama kali di Negara China pada Disember 2019. WHO telah mengesahkan lebih daripada 10,000 kes penularan COVID-19 di seluruh China seawal penularan iaitu pada 25 Januari 2020. Wabak ini turut menular ke seluruh dunia termasuk Malaysia. Kerajaan Malaysia telah melakukan perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seterusnya diisytiharkan Proklamasi Darurat 2021 (Seksyen 2 Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa perlu 2021). Susulan penguatkuasaan perintah tersebut, semua aktiviti yang melibatkan perhimpunan awam di masjid dan surau perlu mengikut SOP yang ditetapkan. Justeru kajian ini akan menggunakan pendekatan Maqasid Syariah dalam menangani Pandemik COVID-19. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti prinsip maqasid syariah dan kerangka asas berkaitan wabak. Kajian ini menggunakan metode kualitatif bagi menganalisis data terhasil dari sumber primer dan sekunder termasuk buku, artikel jurnal, temu bual dan lain-lain. Data terkumpul dianalisis menggunakan pendekatan tematik dengan mengeluarkan tema dan sub tema. Hasil kajian mendapati bahawa maqasid syariah perlu digunapakai dalam keadaan wabak dengan menekankan penjagaan lima perkara asas iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta serta mengaplikasikan enam kaedah fiqh yang berkaitan.

Kata kunci: *Maqasid Syariah, Wabak, Masjid, Ibadah.*

ABSTRACT

The world was shocked by a dangerous virus pandemic known as COVID-19 which was first detected in China in December 2019. WHO confirmed more than 10,000 cases of transmission of COVID-19 throughout China as early as January 25, 2020. This epidemic also spread to the whole world including Malaysia. The Malaysian government implemented a Movement Control Order (MCO) followed by the Emergency Proclamation 2021 (Section 2 of the Emergency Powers Ordinance 2021). Following the enforcement of the order, all activities involving public gatherings in mosques and suraus must follow the prescribed SOP. Therefore this study will use the Maqasid Sharia approach in dealing with the COVID-19 Pandemic. The objective of this study is to identify the principles of maqasid sharia and the basic framework related to the epidemic. This study uses qualitative methods to analyse data from primary and secondary sources including books, journal articles, interviews and others. The collected data were analysed using a thematic approach by extracting themes and sub-themes. The results of the study found that the maqasid sharia should be used in an epidemic situation by emphasising the care of five things which is preservation of religion, life, intellect, lineage and property and applying 6 related fiqh methods.

Key Words: Maqasid Shariah, Endemic, Mosques, Worship

Received: Nov 08, 2023

Accepted: Nov 15, 2023

Online Published: Nov 30, 2023

1. Pendahuluan

Menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setakat 18 Mei 2022, jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 4,483,295 orang dan jumlah kematian mencecah sebanyak 35,630 orang. Peningkatan jumlah kes jangkitan amat membimbangkan sehingga pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (*Restricted Movement Order*) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334) sehingga diisytiharkan Proklamasi Darurat 2021 (Seksyen 2 Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa perlu 2021).

Susulan penguatkuasaan perintah tersebut, Jabatan agama seluruh negara telah mengarahkan agar semua aktiviti yang melibatkan perhimpunan awam di masjid dan surau perlu mengikut SOP yang ditetapkan. Kerajaan mengarahkan agar norma baharu diamalkan, pelbagai garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) telah dikeluarkan oleh pihak berwajib termasuklah melibatkan institusi masjid di seluruh negara. SOP Masjid dan Surau dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri. Antara kandungan utama SOP tersebut ialah arahan pemakaian pelitup muka sepanjang berada di dalam masjid atau surau, membawa sejadah sendiri, berwuduk dari rumah, menghadkan jemaah solat kepada jumlah tertentu dalam satu-satu masa sama ada solat berjemaah atau solat Jumaat, mengambil suhu badan dengan memastikan suhu badan adalah di paras yang normal, tidak bersalaman sesama jemaah sesudah solat dan penjarakan fizikal antara para jemaah dengan kadar 1 atau 1.5 meter semasa pelaksanaan solat berjemaah. SOP yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama mempunyai sedikit sebanyak perbezaan antara satu negeri dengan negeri yang lain dengan meraihan kondisi yang berbeza di negeri masing-masing (Ikmal, 2021).

Justeru kajian ini akan menggunakan pendekatan maqasid syariah sebagai panduan dalam mengurus wabak pada masa akan datang. Berasaskan prinsip maqasid syariah, nyawa merupakan aspek penting yang perlu dijaga (*hifz nafs*). Maqasid syariah menekankan aspek kebaikan (*maslahah*) dan menolak sebarang kemudaratan (*mafsadah*). Dalam menangani wabak, prinsip maqasid syariah dijadikan asas dan panduan dalam mengekang penularan penyakit terutama menjaga keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan temubual untuk mengumpul data.

2. Pernyataan Masalah

Permasalahan berkaitan hukum-hakam fiqh ibadah ketika wabak telah kembali menjadi isu hangat sejak dua tahun dunia dilanda pandemik COVID-19. Pihak berkuasa Malaysia telah menetapkan garis panduan solat berjemaah bagi memastikan masyarakat dapat melaksanakan solat berjemaah di masjid semasa pandemik berlaku tanpa mengabaikan keperluan menjaga nyawa (Nur Kamillah Kamaruddin, 2021). Wabak ini juga menyebabkan terdapat pelbagai isu kontemporari yang timbul dan tidak diterangkan oleh fuqaha Islam terdahulu secara terperinci. Maka para agamawan dan ahli fatwa saling mengkaji dan menulis tentang isu-isu

tersebut, terutamanya jika berkaitan dengan perkara besar yang melibatkan orang ramai seperti solat (Al-Mutairi, 2020). Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, tatacara amalan norma baharu itu telah dibahaskan oleh para ulama. Walaupun ada perkara-perkara yang dilihat seperti bercanggah tetapi semuanya adalah ijihad para ulama setelah melihat kepada keperluan semasa. Beliau mengatakan bahawa kerajaan juga pasti melihat pelbagai sudut dalam menetapkan norma baharu berpandukan kaedah-kaedah fiqh yang menyebut bahawa tindak-tanduk pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah berdasarkan kepada *maslahah* (keperluan umum semasa) (Asliza Musa, 2020).

Namun demikian, beberapa kajian lepas telah menumpukan kepada beberapa aspek berkaitan isu ini. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Zulkifli bin Nor Azib (2021) telah menganalisis himpunan fatwa berkenaan pandemik COVID-19 yang diputuskan dalam Majlis Fatwa Kebangsaan dan negeri-negeri di Malaysia dari sudut pandang Maqasid Syariah. Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Al-Mutairi (2020) telah menyenaraikan kepentingan maqasid syariah dan kesannya apabila berhadapan dengan wabak. Berdasarkan contoh-contoh ini, kajian-kajian tersebut didapati tidak menyentuh aspek mengenai sejauh mana prinsip maqasid syariah dipraktikkan dalam pelaksanaan ibadah di masjid-masjid sebaliknya hanya membincangkan aspek teori.

Kajian ini akan melengkapkan kajian-kajian yang telah dijalankan dari aspek kajian kualitatif kerana disertai kajian lapangan dengan melakukan wawancara terhadap pegawai-pegawai masjid, Jabatan Agama Islam, Pejabat Mufti dan ahli akademik, serta meneliti garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berautoriti. Sehubungan itu, kajian ini perlu dilakukan bagi menilai pelaksanaan prinsip maqasid syariah di masjid-masjid khususnya di sekitar negeri Selangor sekaligus membangunkan kerangka maqasid syariah dalam pelaksanaan ibadah di masjid ketika wabak.

3. Objektif Kajian

1. Mengetahui pasti prinsip Maqasid Syariah dalam mengekang wabak.
2. Menilai pelaksanaan prinsip Maqasid Syariah di masjid-masjid di Selangor.
3. Membangunkan kerangka Maqasid Syariah dalam pelaksanaan ibadah di masjid ketika wabak.

4. Prinsip Maqasid Syariah Dalam Mengekang Wabak

Maqasid syariah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyyat*. *Al-daruriyyat* pula terbahagi kepada lima jenis iaitu memelihara agama, nyawa, akal, harta dan nasab. Sebahagian ulama menambah yang ke-enam iaitu memelihara biah. Maqasid syariah yang berkaitan dengan *al-daruriyyat* dalam permasalahan ini berkait dengan semua pembahagian di atas (PK3).

4.1 Penjagaan Agama

Agama merupakan tonggak utama dalam Maqasid Syariah, maka perkara ini tidak boleh diketepikan dalam apa keadaan sekalipun. Kajian ini mendapati bahawa syiar agama terus terpelihara sepanjang wabak melanda dengan pelbagai inisiatif. Melalui pendekatan rukhsah sebagai contoh solat Jumaat dan berjemaah masih terus dijalankan dengan jumlah yang terkawal demi memastikan ibadah ini tidak diabaikan (PK3). Selain itu semua syiar-syiar Islam yang tidak membahayakan nyawa masih dijaga termasuk azan solat lima waktu dan kelas agama secara dalam talian (PK2).

Demi menjaga masalah agama, pakar akademik dalam penyelidikan ini telah melihat bahawa pihak masjid di Malaysia sangat berhati-hati dalam mengambil pendekatan menghadkan jumlah jemaah berbanding menutup masjid. Ini kerana penutupan masjid adalah satu perkara yang sangat sensitif dalam masyarakat di Malaysia. Oleh yang demikian, masjid dibuka seperti biasa namun yang dihadkan adalah bilangan jemaah yang hadir. Jelas bahawa pihak autoriti agama negeri Selangor tidak berniat menutup masjid seperti diuar-uarkan oleh orang awam, sebaliknya masjid dibuka untuk syiar solat, azan dan lain-lain. (PK3)

4.2 Penjagaan Nyawa

Kehidupan adalah suatu yang sangat bermakna bagi semua manusia. Ia seharusnya dipelihara dalam semua keadaan sama ada baik atau buruk, miskin atau kaya, pemimpin atau pengikut, muslim atau bukan muslim. Pemeliharaan ini adalah sangat penting kepada setiap individu (al-Raisuni, 2009). Walaupun hakikatnya menjaga nyawa (*hifz nafs*) adalah tangga kedua selepas menjaga agama (*hifz al-Din*) namun ia juga sangat penting dalam banyak keadaan. Menurut al-Quran memelihara jiwa dan nyawa ini suatu yang sangat penting melalui firman Allah SWT dalam Surah Isra: 33:

{وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيهِ سُلْطَانًا فَلَا يَسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّهُ كَانَ مَنْصُورًا}

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu membunuh orang yang diharamkan Allah (membunuhnya), kecuali dengan suatu (alasan) yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sungguh, Kami telah memberi kekuasaan kepada walinya. tetapi janganlah walinya itu melampaui batas dalam pembunuhan. Sesungguhnya dia adalah orang yang mendapat pertolongan”*

Begitu juga betapa pemeliharaan nyawa ini sangat penting Allah SWT menjelaskan dalam al-Quran peraturan dan undang-undang terhadap sesuatu tindakan yang merosakan dan menjejaskan kehidupan. Allah SWT telah menetapkan hukuman khusus bagi mereka yang melakukan pembunuhan atau kerosakan kepada jiwa manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah: 178;

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأَنْثَى بِالْأُنْثَى فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَى بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ}

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu (melaksanakan) qisas berkenaan dengan orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba sahaya dengan hamba sahaya, perempuan dengan perempuan. Tetapi barangsiapa memperoleh maaf dari saudaranya, hendaklah dia mengikutinya dengan baik, dan membayar diat (tebusan) kepadanya dengan baik (pula). Yang demikian itu adalah keringanan dan rahmat dari Tuhanmu. Barangsiapa melampaui batas setelah itu, maka ia akan mendapat azab yang sangat pedih”*.

Justeru berdasarkan dalil-dalil yang dijelaskan menunjukkan bahawa peri pentingnya memelihara nyawa. Allah SWT sangat tegas ke atas mereka yang melakukan kerosakan nyawa tanpa sebab. Oleh yang demikian dalam hal pandemik Covid-19 jelas bagi kita dalam setiap kajian dan tindakan yang dilakukan oleh pakar bahawa betapa besarnya kesan terhadap masyarakat jika tidak melakukan sebarang usaha pemeliharaan jiwa untuk mengelakkan kerosakan. Jika dilihat secara jelas, kajian ini telah menunjukkan kesan buruk terhadap mereka yang lalai sehingga menyebabkan ancaman terhadap nyawa. Pihak berkuasa agama telah mengambil kira hal ini dan meneliti sebaiknya. Ia bukanlah suatu keputusan yang kecil untuk mengurangkan jumlah jemaah melaksanakan ibadah di surau dan masjid.

Maqasid syariah menjadi prinsip panduan dalam menggerakkan usaha kerajaan untuk melawan pandemik COVID-19, biarpun pada zahirnya ia tidak diuar-uarkan. Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, *“Dalam memelihara nyawa, seperti mengelakkan daripada penularan pandemik Covid 19, keputusan dan tindakan menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan PKP adalah hakikatnya merupakan pengaplikasian prinsip maqasid syariah. Dengan statistik pertambahan pesakit dan juga kematian akibat pandemik ini, masyarakat sudah tentu memahami bahawa prinsip memelihara nyawa itu amat penting,”* katanya ketika merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020. (Rafidah, 2020).

Segala aktiviti dan protokol yang meliputi kawalan penularan dan jangkitan virus covid 19 dilihat sangat bertepatan dengan konsep maqasid syariah dalam menjaga keselamatan nyawa (*hifz nafs*). Segala langkah dan protokol yang dijalani adalah bagi memastikan keselamatan diri sama ada individu mahupun masyarakat. Perkara ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyatakan bahawa kemudaratan hendaklah dihindari sebaik mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing iaitu *الضرر يدفع بقدر الإمكان* (kemudaratan dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan) Mengikut salah seorang tokoh yang ditemu bual dalam kajian ini menyatakan bahawa, apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam mengekang wabak termasuk autoriti agama negeri Selangor adalah bertepatan dengan kaedah hukum syarak (PK1).

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020 telah memutuskan untuk menanggungkan semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan berjemaah selama beberapa tempoh. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh *درء المفاسد أولى من جلب المصالح* (Menolak kerosakan lebih utama daripada mendatangkan kebaikan). (PK1)

Kuarantin yang dikenakan kepada sebilangan pesakit Covid-19 atau orang yang disyaki mempunyai simptom-simptom Covid-19 adalah berasas kaedah *يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر*

العام (Ditanggung kemudaran yang Khusus untuk menolak kemudaran yang umum) bagi mengelakkan lebih ramai anggota masyarakat terkena wabak atau penyakit tersebut. Mereka yang mempunyai simptom Covid-19 tidak digalakkan ke kawasan awam yang berisiko tinggi antaranya ialah masjid untuk mengelak penularan wabak. (PK1)

Langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh pihak berkuasa semasa berlakunya wabak Covid-19 menepati kaedah fiqh الضرر يدفع بقدر الإمكان (kemudaran dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan) yang menyatakan bahawa kemudaran hendaklah dihindari sebaik mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing, iaitu seseorang yang berkeperluan untuk keluar semasa berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak Covid-19 perlulah mematuhi peraturan sebaiknya untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya penyebaran wabak kepada orang lain (PK1).

4.3 Penjagaan Akal

Menurut kajian ini, ia memperlihatkan bahawa aspek penjagaan akal terus diambil kira dan diberi perhatian oleh pihak masjid di seluruh negeri Selangor. Majlis-majlis ilmu yang membantu dalam aspek peningkatan intelektual masyarakat diperkasakan melalui pelbagai bentuk media sosial. Menurut PK4, PK5, PK6 dan PK7 masjid-masjid telah menawarkan kuliah dan program kerohanian melalui *google meet* dan *facebook*.

Perkara ini dilihat sangat berkesan di mana peserta-peserta yang mengikuti program lebih ramai berbanding majlis ilmu yang dijalankan secara bersemuka di masjid sebelum ini. Ini kerana majlis yang dianjurkan tidak terhad hanya kepada ahli kariah sahaja bahkan terbuka kepada semua yang mendapat capaian internet. Malah sekatan keluar rumah yang dilaksanakan dalam tempoh PKP memberi ruang yang lebih banyak kepada masyarakat untuk menadah ilmu atas talian yang dianjurkan oleh pihak masjid. Dari sini difahami bahawa, penjagaan akal dan nyawa ada kaitan yang sangat rapi, bahkan setiap satu memerlukan yang lain. (PK4)

Usaha atau pendekatan yang dapat menyuburkan fungsi akal manusia perlu sentiasa dilaksanakan seperti penyebaran budaya ilmu secara konsisten. Sebaliknya, perkara yang boleh merosakkan fungsi akal seperti penggunaan arak, dadah dan seumpamanya adalah dilarang. Secara umumnya, dapat dilihat bahawa usaha pihak masjid bertepatan dengan masalah dalam penjagaan akal (PK6).

4.4 Penjagaan Harta

Wabak yang melanda sesebuah negara turut memberi kesan kepada ekonomi dan sosial. Pendapatan masyarakat terjejas apabila kuasa berbelanja berkurangan ekoran sekatan-sekatan yang dikenakan oleh pihak kerajaan seperti PKP, PKPP, PKPB dan PKPD. Kebanyakan masjid di negeri Selangor menganjurkan program pengimarah dengan dana sumbangan masyarakat termasuk kuliah-kuliah agama dan latihan-latihan. Malah sebahagian masjid turut menggajikan bilal dan para imam bersumberkan pendapatan dan sumbangan melalui tabung-tabung yang diletakkan di masjid seperti tabung Jumaat dan tabung pengurusan masjid.

Apabila sekatan berlaku, kehadiran jemaah ke masjid sangat terhad dan memberi kesan kepada jumlah pendapatan melalui tabung-tabung tersebut (PK6).

Maka dalam aspek penjagaan harta, pihak masjid memperkenalkan inisiatif baharu iaitu sumbangan atas talian. Mekanisma baharu ini memberi kesan yang sangat positif kepada pengurusan kewangan masjid di era pandemik. Bahkan ia diteruskan sehingga pasca pandemik dengan meneruskan tabung fizikal dan ditambah dengan sumbangan atas talian (PK6).

4.5 Penjagaan Nasab

Pandemik yang melanda telah memberi kesan kepada aspek kekeluargaan. Majlis-majlis perkahwinan dan pernikahan terpaksa dibatalkan pada awal-awal pandemik. Namun demi menjaga masalah dalam aspek kekeluargaan, keturunan dan nasab, maka beberapa pendekatan telah diambil untuk membolehkan majlis akad pernikahan dijalankan dengan SOP yang sesuai. Antaranya ialah akad nikah tanpa kenduri, majlis pernikahan dengan jemputan terhad kepada ahli keluarga sahaja, bahkan didapati sesetengah negeri telah pun membolehkan akad nikah dijalankan atas talian. Pendekatan-pendekatan ini menonjolkan kepentingan penjagaan nasab yang dituntut oleh syariat Islam. Bahkan ia salah satu daripada prinsip maqasid yang lima.

5. Pelaksanaan Prinsip Maqasid Syariah Di Masjid-Masjid Di Selangor

Pada peringkat awal, KKM telah memberi sesi penerangan berkaitan penetapan SOP. Ini kerana pihak KKM lebih maklum berkaitan dengan wabak seperti proses penyahkuman, cara pemakaian pelitup muka dan sebagainya. Proses pengeluaran SOP adalah agak sukar di peringkat awal. Pihak-pihak yang terlibat sebelum sesuatu SOP dikeluarkan ialah pakar kesihatan KKM, keselamatan dalam negeri MKN, Majlis Keselamatan Negeri Selangor dan pihak JAIS seterusnya perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Perbincangan ini berlaku dengan kekerapan yang tinggi kerana ia bergantung kepada situasi semasa. (PK2)

SOP di masjid dan surau dilakukan secara berperingkat mengikut kesesuaian keadaan. Bagi masjid atau surau, SOP solat berjemaah di masjid di lain-lain negeri tertakluk keputusan pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Syarat bagi membolehkan jemaah hadir ke masjid atau surau ditentukan pihak berkuasa agama negeri dan terpakai di masjid serta surau di negeri terbabit sahaja (PK1).

Pihak masjid mendapat maklumat SOP melalui Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) yang disalurkan kepada nazir masjid dan dikongsikan kepada AJK masjid melalui aplikasi *whatsApp* (PK7) Masjid Bukit Puchong juga mendapat maklumat berkaitan SOP secara terus dari KKM kerana Setiausaha Masjid adalah pegawai KKM. Seterusnya maklumat tersebut dikongsikan kepada AJK dan masyarakat melalui pemakluman ketika solat jumaat (PK5).

Masjid at-Taqwa, Bandar Bukit Mahkota dikategorikan sebagai masjid pengurusan, dan ditugaskan untuk menyampaikan SOP dalam bentuk multimedia. Maka pihak masjid terlibat secara langsung dengan JAIS dan perlu memahami terlebih dahulu maklumat yang disampaikan oleh JAIS bagi menyebarkan info kepada masjid-masjid yang lain (PK6).

SOP di Selangor tertakluk di bawah arahan Jabatan Agama, JAIS. Pihak masjid hanya mengikut arahan ataupun garis panduan yang ditetapkan. Walaubagaimanapun ia tidak diperhalusi secara terperinci dan menyerahkan kepada pihak masjid untuk melaksanakan SOP tersebut. SOP juga tertakluk kepada pindaan kerana ia berdasarkan jumlah kes yang berlaku. Apabila jumlah kes meningkat, maka SOP akan bertambah ketat (PK8).

Jabatan mufti memainkan peranan yang sangat penting dalam penetapan SOP. Antaranya ialah menasihati pihak berkuasa agama berkaitan hukum syarak, menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap sesuatu isu baharu yang memerlukan keputusan dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak (PK1)

6. Tahap Penerimaan SOP Oleh Pihak Masjid

Hasil dari temubual ahli penyelidik bersama dengan nazir masjid-masjid terpilih mendapati bahawa masyarakat atau ahli kariah segelintirnya boleh menerima dan segelintir yang lain tidak menerima SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak masjid. Walau bagaimanapun pihak masjid tetap mengeluarkan garis panduan bagi mentafsirkan SOP untuk kemudahan jemaah secara umum (PK5, PK6).

7. Cabaran Pelaksanaan SOP Oleh Pihak Masjid

Hasil daripada temubual ahli penyelidik bersama dengan nazir masjid-masjid terpilih mendapati bahawa Ahli Jawatankuasa Masjid telah melalui situasi yang mencabar sepanjang pandemik Covid-19 yang berlangsung dalam tempoh 2 tahun. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak masjid ialah:

- I. Masjid UKM terletak dalam kawasan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi serta tidak mempunyai pagar khas. Sehubungan itu, cabaran besar bagi AJK masjid untuk membuat kawalan dan pemantauann jemaah keluar masuk ke kawasan masjid terutama dalam musim pandemik. Memandangkan masjid UKM mempunyai kapasiti yang besar sekitar 3000 jemaah, maka jemaah yang hadir ke masjid tidak hanya terhad kepada warga UKM, malah turut dihadiri oleh penduduk di luar sekitar UKM. Di samping itu cabaran yang lain ialah memberi kefahaman kepada jemaah berkenaan keharusan meninggalkan solat Jumaat pada musim pandemik, memandangkan jemaah yang sangat ramai di dalam dan luar UKM (PK4).
- II. Masjid Seri Melati Gombak meletakkan petugas di pintu pagar masjid bagi mengawal kehadiran para jemaah yang datang dari perbagai tempat. (PK5)
- III. AJK perlu menjaga pintu pagar daripada dimasuki ahli kariah terutama pada hari Jumaat. Perlu menjelaskan kepada ahli kariah SOP yang telah ditetapkan oleh JAIS. Apabila dibenarkan masuk ke masjid, jemaah perlu diingatkan berkaitan penggunaan sejadah sendiri dan penjarakan dalam saf. Perlu memahami masyarakat berkaitan

jumlah kehadiran yang terhad dan tidak mampu untuk menyantuni semua jemaah dalam satu-satu masa. (PK5)

8. Sekatan-sekatan ibadat di Masjid dan Mekanisma Perlaksanaan

Sepanjang Covid-19 melanda Malaysia, Masjid-masjid di negeri Selangor telah melakukan beberapa sekatan aktiviti ibadah di masjid selari dengan SOP JAIS dan MKN serta keperluan setempat. Antara sekatan yang dikenalpasti ialah sekatan bilangan dalam solat Jumaat (PK3). Pada peringkat awal PKP semua masjid tidak dibenarkan mendirikan solat Jumaat (PK2). Apabila keadaan mula terkawal Sultan membenarkan bilangan jemaah di masjid 12 dan kemudian 21 orang sehingga ke 40 orang (PK2). Pemilihan dan penggiliran jemaah adalah menjadi cabaran AJK masjid kerana ramai yang membuat permohonan untuk ke masjid. Apabila bilangan jemaah dibenarkan sehingga 300 orang, pihak masjid hanya buka pintu 10 minit sahaja bagi memenuhi kuota 300 orang. Cabaran bagi pihak masjid untuk memberi kefahaman dan mengawal jemaah yang ramai untuk solat jumaat. Setiap masjid mempunyai kariah surau selain daripada kariah masjid. Jadi perlu membuat pilihan yang adil untuk semua pihak (PK8).

Cabaran di Masjid Seri Melati Gombak ialah apabila berhadapan dengan SOP bilangan jemaah. Pihak masjid telah membuat penetapan penggiliran bilangan jemaah bagi setiap surau. Terdapat surau-surau yang memilih nama yang sama untuk hadir solat Jumaat pada setiap minggu. Perkara ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap mereka yang tidak terpilih (PK5).

Selain daripada cabaran pemilihan jemaah, cabaran memahami SOP juga turut dihadapi oleh AJK. Terdapat pentafsiran yang berbeza daripada setiap AJK berhubung dengan SOP seperti isu sejadah, sehingga mendatangkan ketegangan dalam kalangan AJK. Semua pihak merasa sangat sensitif kerana ia melibatkan soal kesihatan yang boleh mengancam nyawa. Maka perkara-perkara yang dilihat remeh, pada hakikatnya ia sangat penting. (PK5).

Antara cabaran-cabaran lain ialah memahami SOP yang sentiasa berubah-ubah dan menimbulkan kefahaman yang berbeza di kalangan AJK. Setiap kali SOP baharu yang diterima, maka berlaku perbincangan dalam memahami SOP tersebut. Begitu juga salah faham masyarakat terhadap SOP sehingga menimbulkan pertikaian (PK8). Bagi masjid yang berjiran dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, jemaah dengan sengaja membuat perbandingan dan membeza-bezakan SOP Wilayah dan juga SOP negeri (PK5).

9. Kerangka

Kajian ini mendapati beberapa kerangka maqasid syariah yang perlu diketengahkan dalam penggubalan SOP dan pelaksanaannya di masjid-masjid. Kerangka ini perlu dibaca serentak dan bukan berasingan. ini kerana penghujahan dengan sebahagian prinsip tanpa yang lain boleh menjurus kearah melampau (*ifrat*) atau cuai (*tafrit*).

9.1 Memelihara lima perkara *dharuriyyat* dalam maqasid syariah

Perkara yang paling utama dalam kerangka maqasid syariah ialah memastikan kesemua perkara asas *dharuriyyat* dijaga mengikut susunan kepentingan iaitu agama, nyawa, akal, harta dan nasab. Setiap satu dari perkara ini perlu difahami mengikut istilah dan tuntutan syarak seperti mana yang telah dinyatakan di perkara 4.2.

9.2 Menjaga turutan tiga peringkat masalah

Masalah yang dituntut oleh syariah untuk dijaga mempunyai tiga peringkat iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Setiap salah satu dari kategori ini mempunyai kepentingan tersendiri sepertimana hukum juga mempunyai peringkat taklifr yang berbeza iaitu wajib, sunat, harus haram dan makruh. Selain dari itu perlu dititikberatkan atas perkara sah dan batal, *rukhsah* dan *azimah*, sebab dan *mani'* seperti diistilahkan oleh fuqaha dalam *ahkam wadh'iyyah*.

Perlu difahamkan bahawa tidak semua ibadat wajib boleh meruntuhkan agama atau bercanggah dengan prinsip agama jika ditinggalkan seperti solat jumaat, rapatkan saf, mandi jenazah dan lain. Sebaliknya perkara ini tidak mengurangkan sedikit pun kekuatan agama apabila syariah memberi kelonggaran untuk meninggalkan atau menggantikan. Begitu juga sebaliknya tidak semua penyekait atau wabak itu mengancam nyawa, bahkan ada yang sekadar mendatangkan sedikit kesusuahan dan bukan membunuh seseorang.

9.3 Mengguna Pakai Prinsip-prinsip Syarak Secara Menyeluruh

Dalam usaha memerangi wabak dan menjaga maqasid dalam satu-satu masa, kaedah-kaedah syarak perlu digunapakai secara menyeluruh. Sekiranya kaedah-kaedah ini hanya diambil sebahagian tanpa yang lain ia akan membawa kepada suasana berlebihan (*ifrat*) dan kadangkala juga membawa kepada suasana kecuaiian (*tafrit*). Kaedah-kaedah yang perlu digunapakai dalam kerangka penjagaan maqasid syariah ialah seperti berikut:

Prinsip Pertama: “Kemudaratan mesti dihilangkan” الضرر يزال

Prinsip ini menuntut umat Islam agar mengelakkan diripada dan orang lain dari semua jenis kemudaran dan kerosakan. Maka tindakan kerajaan yang melarang pergerakan dan perhimpunan ramai seperti ijtimak, majlis perkahwinan, aktiviti keagamaan termasuk solat Jumaat dan jemaah, penutupan semua sekolah, universiti dan lain-lain institusi yang tidak kritikal adalah bertepatan dengan kaedah di atas. Bahkan syarak juga menetapkan bahawa setiap kemudaran yang berlaku perlu dihilangkan dengan langkah-langkah yang sewajarnya (PK1).

Abdullah Basmeih (1998) menjelaskan bahawa situasi darurat pada syarak adalah keadaan yang mendatangkan bahaya kepada diri dan harta benda yang tidak harus dibiarkan hilang, rosak atau cacat. Al-Qurtubi meriwayatkan dari Mujahid bahawa keadaan terpaksa tersebut berlaku bukan kerana keinginannya (Ibnu Kathir 1999). Dalam Mu'jam al-Wasit (2004), keadaan terpaksa tersebut bermaksud keadaan memerlukan dan mencari perlindungan. Darurat ialah keadaan yang mencemaskan atau menyusahkan berlaku secara tiba-tiba atau keadaan yang serba sulit disebabkan oleh ancaman (Dewan Bahasa dan Pustaka 2005). Oleh yang demikian, sekiranya seseorang berhadapan dengan situasi yang tidak dapat dielakkan atau darurat, maka dia diberi keringanan walaupun dalam keadaan melakukan perkara yang dilarang kerana mengelakkan berlaku kemudaratan itu adalah lebih utama. Secara asasnya, kaedah ini merujuk kepada satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Tiada mudarat (*darar*) dan tidak boleh memberi mudarat (*dirar*)”. (Ibnu Majah 2014)

Selain itu, terdapat beberapa dalil daripada hadis selain yang telah dinyatakan di atas yang menunjukkan keharusan meninggalkan perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratan dan memberi keringanan, antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Apa yang aku telah cegah kamu daripada melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya dan apa yang aku telah perintahkan kamu agar melakukannya, maka hendaklah kamu melaksanakannya sekadar yang kamu mampu”. (Muslim 2006)

Al-Bugha dan Mistu (2019) menyatakan bahawa hadis ini mempunyai kaitan dengan kaedah fiqh yang utama iaitu ‘darurat mengharuskan perkara yang dilarang’ dan ‘kesukaran itu mendatangkan kemudahan’. Setiap suruhan dan perintah itu mestilah dilakukan dalam keadaan mampu dan mudah tanpa menimbulkan masalah dan kesusahan yang besar. Walau bagaimanapun, keringanan dengan sebab darurat atau sukar itu mestilah dilakukan sekadar yang diperlukan sahaja. Sebarang bentuk keringanan yang diberikan oleh Allah SWT adalah merupakan suatu bentuk manfaat demi menjaga keselamatan dan kebajikan yang perlu dipenuhi oleh setiap hamba-Nya yang beriman, sebagaimana sabda Rasulullah SAW melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA maksudnya:

“Di antara kesempurnaan Islam seseorang itu adalah dengan meninggalkan sesuatu yang tidak memberi manfaat terhadap dirinya”. (Ibnu Majah 2014)

Prinsip Kedua: “Kemudaratan perlu dinilai dengan tahap yang betul” الضرورة تقدر بقدرها

Prinsip ini membawa maksud segala kemudaratan yang bakal menimpa perlu diperhalusi kapasiti dan kebolehjadiannya serta diberi tafsiran yang tepat. Ini kerana kemudaratan yang datang bukan semuanya berada di tahap yang sama, dan tidak semua kemudaratan itu perlu menghentikan semua aktiviti masjid. Bahkan sebahagiannya cukupnya dengan menghadkan jumlah atau melonggarakan pada tahap yang dilihat selamat seperti penjarakan saf, dan penentuan jemaah yang dibenarkan. Maka tindakan kerajaan dilihat bertepatan dengan perkara ini apabila masjid tidak ditutup sepenuhnya. Kata pakar rujuk dalam kajian ini

“Masjid ditutup bermaksud tiada langsung solat didirikan. Tetapi kita lihat masjid-masjid tak ditutup dan solat berjemaah masih ada tetapi terhadap kepada pihak jawatankuasa masjid seperti Masjidil Haram” (PK3). Kata beliau lagi: “Solat jemaah bukan dihentikan terus, tetapi ditangguh kepada orang awam sepanjang pandemik. Inilah perbezaan antara penutupan dan penangguhan” (PK3)

Prinsip Ketiga: “Menolak kerosakan lebihutamakan daripada mendatangkan kebaikan) درء المفسد أولى من جلب المصالح

Aktiviti ibadah di masjid adalah satu kebaikan yang diburui oleh semua orang Islam, termasuk solat Jumaat, jemaah, kuliah dan lain-lain. Namun kebaikan ini apabila bertentangan dengan kebaikan lain atau mendatangkan kerosakan yang lebih besar, maka kebaikan itu perlu ditinggalkan. Mesyuarat jawatankuasa muzakarah khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020 telah memutuskan untuk menangguhkan semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan berjemaah selama beberapa tempoh (PK1). Fatwa ini dilihat sebagai satu saranan untuk meninggalkan ibadah yang wajib iaitu solat Jumaat demi mengelakkan satu kemudaratan yang besar iaitu penjagaan nyawa.

Prinsip Keempat: “Kemudaratan yang Khusus perlu ditanggung demi menolak kemudaratan yang umum) يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

Kuarantin yang dikenakan kepada sebilangan pesakit Covid-19 atau orang yang disyaki mempunyai simptom-simptom Covid-19 merupakan satu perkara yang mungkin berat ke atas individu tersebut, bahkan ia menjadi kemudaratan ke atas orang tersebut kerana tidak berpeluang untuk menjalankan aktiviti harian termasuk pekerjaan, pembelian, aktiviti sukan. Namun berasas prinsip ini bagi mengelakkan lebih ramai anggota masyarakat terkena wabak atau penyakit tersebut. Mereka yang mempunyai simptom Covid-19 tidak digalakkan ke kawasan awam yang berisiko antaranya seperti masjid untuk mengelak penularan wabak Covid-19 maka di situ dilihat kemudaratan besar terhindar apa bila kemudaratan kha situ ditanggung (PK1)

Prinsip Kelima: “kemudaratan dihindari sebaik mungkin mengikut kemampuan الضرر يدفع بقدر الإمكان

Langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh pihak berkuasa semasa berlakunya wabak covid-9 menepati kaedah fiqh yang menyatakan bahawa kemudaratan hendaklah dihindari sebaik mungkin berdasarkan kemampuan masing-masing. Seseorang yang berkeperluan untuk keluar semasa berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak Covid-19 perlulah mematuhi peraturan sebaiknya untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya penyebaran wabak kepada orang lain (PK1)

Antara langkah-langkah mengurangkan risiko jangkitan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2020) termasuk menutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk atau bersin, memakai pelitup hidung dan mulut apabila berurusan dengan orang lain,

kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau pembasmi kuman dan menjaga kebersihan sepanjang masa.

Menurut Imam Al-Suyuti *mashaqqah* atau kesempitan terbahagi kepada dua. Pertama, *mashaqqah* yang secara kebiasaannya ada dalam pelaksanaan ibadah seperti *mashaqqah* dalam menunaikan ibadah fardu, mencari nafkah untuk keluarga dan sebagainya. (solat-bangun pagi, cari nafkah-penat, puasa-lapar). Kedua, *Mashaqqah* yang secara kebiasaannya tidak datang daripada pelaksanaan ibadah seperti sakit gigi, penat dan sebagainya yang boleh mempengaruhi ibadah. Walau bagaimana pun, *mashaqqah* atau kesempitan dibawah kategori ini terbahagi kepada tiga peringkat:

1. *Mashaqqah* besar lagi dahsyat seperti kebimbangan terhadap nyawa dan anggota badan.
2. *Mashaqqah* ringan yang tidak memberikan kesan.
3. *Mashaqqah* sederhana yang berada di antara dua *mashaqqah* tadi.

Kesannya, daripada peringkat masyarakat berkenaan, keringanan yang diberikan oleh syarak dalam pelaksanaan ibadah berlaku dalam beberapa bentuk (PK1) seperti berikut:

1. keringanan untuk meninggalkan ibadah
2. keringanan untuk mengurangkan ibadah
3. keringanan untuk menggantikan ibadah
4. keringanan untuk mengawalkan ibadah
5. keringanan untuk melewati ibadah
6. keringanan untuk memudahkan perkara yang susah

Penularan wabak covid-19 pada masa kini dikenal pasti boleh mengancam nyawa seseorang atau suatu komuniti. Oleh yang demikian, usaha mengekang penularan wabak adalah suatu perkara yang mustahak yang perlu diambil berat. Dari sudut syarak, keadaan berisiko ini termasuk dalam bentuk *mashaqqah* yang tidak datang daripada pelaksanaan ibadah dan ia dikategorikan sebagai *mashaqqah* yang membolehkan seseorang mendapat keringanan (*takhfif*) dalam melaksanakan ibadah (PK1).

Prinsip Keenam: “Keputusan hakim menghilangkan perbezaan” حکم القاضي يرفع الخلاف

Prinsip ini pada asasnya tidak kaitan dengan pandemik atau rukhsah dalam ibadat. Namun dilihat ketika wabak melanda terdapat banyak pandangan secara individu dan institusi yang cuba memberi pandangan termasuk pandangan hukum. Kepelbagaian pandangan ini sedikit sebanyak membawa kepada kecelaruan terhadap masyarakat. Di sini dapat dilihat prinsip di atas perlu dijadikan panduan bagi mengelak kecelaruan yang berlaku. Maka pandangan-pandangan peribadi atau institusi sekiranya bercanggah dengan pandangan pemerintah, maka pandangan pemerintah perlu diambil kira sebagai penyelesaian selagi mana perkara itu masih dalam konteks *ijtihad* atau *zanni* yang boleh berbeza pandangan. Mengikut pandangan salah seorang pakar dalam kajian ini menyebut: “Sekiranya ada pesanan daripada ulama’ atau

doktor-doktor bahawa wajib ada penjarakan, maka dalam konteks ini mematuhi arahan pemerintah juga sangat penting supaya tidak berlaku pertelingkahan sesama rakyat. Oleh yang demikian, terdapat kaedah fiqhiyyah, tetapi ada khilaf tentang takrifan perkataan al-hakim. Disebutkan kaedah ini dalam kitab al-Furuq oleh Ibn Qarafi bermazhab Maliki ‘hukum daripada hakim mengangkat *khilaf*’ (PK3).

10. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil daripada kajian ini mendapati penetapan SOP oleh pihak JAIS telah melalui proses yang sangat teliti dengan menggabungkan kepakaran dari semua pihak iaitu dari sudut kesihatan, keselamatan dan hukum-hukum syariah. Penetapan SOP ini telah memenuhi piawaian Maqasid Syariah bagi menjaga nyawa individu. Pelbagai *rukhsah* telah dipraktikkan dalam melaksanakan ibadah-ibadah di masjid bagi memastikan keselamatan nyawa terjaga. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dalam menyampaikan SOP kepada masyarakat, pihak berkuasa di Negeri Selangor iaitu Jabatan Agama Islam serta ahli jawatankuasa masjid di negeri ini telah menjalankan satu amanah yang sangat besar bagi memastikan ibadah di masjid terus terjaga dan terpelihara dalam keadaan menghadapi ancaman wabak COVID 19. Apa yang telah dilaksanakan walaupun tidak dilihat sempurna, namun ia merupakan satu usaha yang sangat murni memandangkan isu COVID 19 yang melanda adalah satu perkara baharu yang dihadapi oleh negara.

11. Penghargaan

Kajian ini adalah hasil geran penyelidikan di bawah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor No geran (210005305).

Rujukan

Al-Quran.

Al-Burhany, Muhammad Hisham (2009). Sadd al-Zara'i fi al-Shariah al-Islamiyyah, Damsyik, Dar al-Fikr.

Al-Buti, Muhammad Saeed Ramadhan (1998), Dhawabit al-Maslahah fi al-Shariah al-Islamiyyah. Muassasah al-Risalah.

Al-Fasi (1993). Maqasid Al-Shari'ah Al-Islamiyyah wa Makarimuha. Beirut: Dar al- Gharb al-Islami.

Al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar (2001) 'Ilm al-Maqasid al-Shari'ah. Maktabah al-Abikan: Riyadh.

al-Qari (2002). Mirqat al-Mafatih Syarh Mishkat al-Masabih. Dar al-Fikr.

Al-Qarrafi (2010). Al Furuq. Al Riyadh: Wazarah Al Awqaf.

Al-Raisuni, A. (1992) Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi. Beirut, al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.

Al-Raysuni. (2009). al-Madkhal ila Maqasid al-Shariah. Mesir: Dar al-Kalimah.

Al-Raysuni. (2019). Mawsu'ah Muallamah Zayid lilqawaid Al Fiqhiyyah. Bairut: Al Majmu'ah Al

Al-Shanqeeti, Muhammad Talib (2020) Ahkam Sholat Al-Jumu'ah wa al-jamaah wa alidayni fi Zaman Corona. Majallah al-ulum al-shariah wa al-dirasat al-islamiyyah vol 83 2020

al-Shatibi (1997). Al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah. Dar Ibn 'Affan.

Al-Syatibi (2020). Al Muwafaqat Fi Usul Al Fiqh. Cairo: Al Maktabah Al Tijariyyah.

Anis, I. (2018). Al-Mukjam Al-Wasit. Bairut: Dar Al Ilm.

Asliza Musa (2020). Covid-19: Garis Panduan Solat Jemaah Ambil Kira Ijtihad Ulama. Utusan Digital. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/09/covid-19-garis-panduansolat-jemaah-ambil-kira-ijtihad-ulama/>

Burhani, M. H. (1985). Saddu Al Zara'ik Fi Al Syari'ah Al Islamiyyah. Dimashq: Dar Al-Fikir.

Ibn 'Ashur. (1997). Al Tahrir Wa Al Tanwir. Tunisia: Sahnun.

- Ibn ‘Ashur. (2019). Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah. Qatar: Wazarah Al Awqaf.
- Inizi, I. Al. (2020). Sad al-Zarai’ Fi al-Ibadat. Majallah Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah.
- Iran Herman (2007) Statistik dan analisis data sains sosial. Alor Setar: Penerbitan Ustara.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2020) Pekeliling 2020.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2021) Pekeliling 2021.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2022) Pekeliling 2022.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2022) <https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/semasa/2022/03/perbezaan-maksud-endemik-epidemik-dan-pandemik>
- Majlis Keselamatan Negara (2022) <https://t.me/MKNRasmi>
- Manahi, M. (2021). Man‘Solat al-Jumu‘ah wa al-Jama‘ah Khawfan Min Korona. Majallah
- Mualimin Mochammad Sahid, Fettane Amar, Ahmad Syukran Baharuddin (2020) Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik Covid-19. Insla Eproceedings.
- Muhammad Al-Tahir Ibn Ashur (2007) Treatise on Maqasid al-Shari'ah (), International Institute of Islamic Thought.
- Muhammad Zulkifli Bin Nor Azib, 2021, Peranan Maqasid Al-Shari’ah Dalam Mendepani Pandemik Covid-19: Tinjauan Daripada Perspektif Majlis Fatwa Kebangsaan Dan Negeri-Negeri Di Malaysia, Proceedings Of The 7th International Onference On Quran As Foundation Of Civilization (Swat 2021) Fpqs, Universiti Sains Islam Malaysia, 2021
- Othman Lebar. (2015). Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori Dan Metode. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zaydan, A. K. (2001). Al-Wajiz Fi Sharfi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Mu'assasah al- risalah.